

**KASSIM AHMAD**  
**Chedet.cc**  
**10 October 2017**  
**Tun Dr Mahathir Mohamad**

Saya amat sedih dengan kematian kawan saya Kassim Ahmad. Kita kehilangan seorang tokoh yang berani dan berpegang kepada prinsip perjuangannya walau apa pun yang terjadi kepada dirinya

Saya berpendapat bahawa dianya tidak berjaya mendapat keadilan seperti yang dikehendaki oleh agama Islam. Kerana dianya dituduh kononnya membelakangkan hadith.

Sedangkan dia seperti juga dengan pentafsir-pentafsir hadith yang menolak hadith-hadith yang tidak sahih yang dibuat tanpa kajian yang teliti dan mendalam, menerima banyak hadith dan menolak hanya hadith yang tidak sahih.

Pemikirannya amat tajam dan orang Melayu terutamanya, kehilangan seorang tokoh yang boleh memikir dengan mendalam berkenaan dengan masalah yang dihadapi oleh mereka. Bacalah tulisannya sebelum menghukumnya.

Saya berdoa dianya akan dirahmati Allah swt.

15 thoughts on "KASSIM AHMAD"

1.



2. [Log in to Reply whacko](#) [Oct 12, 2017 12:05 PM](#)

Salam sejahtera Tun,

To BALANCE, let just talk about politics and keep your understanding about GODs to yourself. There was never the intentions of this blog to promote one's God to others.

3.



4. [Log in to Reply Fariq Islam](#) [Oct 12, 2017 10:27 AM](#)

Asslamualaikum, Tun.

Rakyat bersyukur kerana adanya tokoh seperti Allahyarham dan juga Majlis Raja-Raja Melayu yang berjiwa Rakyat dan sayangkan ibu pertiwi, yang mahukan perpaduan dikekalkan.

Kita harus mengutuk sebarang tindakan yang bermotif memusnah dan mengakibatkan kepincangan dalam masyarakat majmuk.

5.

6.  [Log in to Reply](#) **zulu** [Oct 12, 2017 10:25 AM](#)

MO1 penchuri and his penchuri family are seems more sophisticated in stealing now a days, that's why...not a single news on hippo's shopping adventure coming out.

MO1 penchuri now using MACC and his poo eating pigs to threat opposition party members in various ways since election coming nearer.

7.

8.  [Log in to Reply](#) **Fariq Islam** [Oct 12, 2017 10:16 AM](#)

Assalamualaikum, Tun.

Allahyarham Kassim Ahmad merupakan tokoh peneroka dan penterjemah Hadith waras dan berwibawa.

Salah satu konsepnya ialah ulama-ulama harus berfokus ke atas memperkembang nilai-nilai murni Islam, bukannya cara menghukum dengan Hudud. Kalaulah umat-umat mengamal nilai-nilai betul dalam hidup, maka tak usahlah menghukum berat dengan Hudud. Konsep ini tepat sekali!

9.

10.  [Log in to Reply](#) **balance** [Oct 12, 2017 1:09 AM](#)

Dap is no better the umno  
and umno is ni better than MCA or mic

Just pure manipulation

ONLY the stupid will get tangle  
with the unreasonable

11.

12.  [Log in to Reply](#) **balance** [Oct 12, 2017 1:06 AM](#)

dont let religion rule your life  
religion is nothing but pure political power

there is god everywhere  
and  
anywhere

your god is not better than  
other god or gods

No such thing as best god or biggest god

DAP or no DAP is the same  
Unmo or no umno is the same

Dont try to corrupt the people

13.



14. [Log in to Reply](#) **balance** [Oct 12,2017 1:00 AM](#)

Tun

If there ie allah  
then there is god  
If there is god  
then there is red god  
Or blue god  
or yellow gof  
It is all in the mind  
forget about the gods  
and concentre in living

Correct your mistakes  
put malaysia back to the living  
and forget about religion and race  
not going anywhere  
Political supremacy is the way to disaster

you are a smart man  
and smart man thinks of living and diversity

Stop the religious manipulation  
you are human and be a human

15.



16. [Log in to Reply](#) **musato** [Oct 11,2017 8:14 PM](#)

Assalamualaikum Tun.

Sebenarnya saya dapati terdapat beberapa cara pemikiran Tun yang saya simpan untuk saya belajar dan mungkin akan tahu pada masa hadapan.

Jika diamati, terdapat ramai anak Kedah yang berjaya. Antaranya Tun, Allahyarham Kassim Ahmad dan Zainuddin Maidin.

Saya terpanggil untuk meneroka pemikiran berkenaan Islam ini kerana kadangkala tulisan Zainuddin Maidin agak keras. Umpama menyokong penutupan pusat tahfiz. Samada pusat tahfiz salah atau tidak, saya fikir kita perlu berfikir lebih panjang.

Begitu juga Tun, yang terang terang menolak hudud dilaksanakan di Malaysia. Itu saya faham dengan alasan Tun. Saya pun tidak bermaksud ingin hudud dilaksanakan tanpa kajian yang mendalam.

Begitu juga dengan hadith. Saya pun tidaklah taksud sangat pada hadith. Cuma kerana kita tidak berada di dalam bidang khusus tersebut, lebih baik kita berhati hati dan mendengar kata kata orang yang lebih arif dalam bidangnya.

Walaupun pangkat ustaz sekalipun, tak salah untuk kita dengar. Kita pun tak perlu jadi Perdana Menteri untuk mensyarahkan berkenaan hal negara.

Saya orang Terengganu. Dan tak ramai orang Terengganu yang masyhur di peringkat negara.

Di sini saya ingin mengutarakan hujah yang lain dari biasa kita dengar.

Hj Hadi dari Terengganu mengeluarkan fatwa berkenaan yang dikatakan jihad. Tetapi di Terengganu tidak berlaku jihad seperti di Memali. Ya, kedegaran memang ada sembahyang 2 masjid. Kahwin pun ikut masjid PAS atau UMNO.

Tetapi tidak berlaku jihad seperti di Memali, Kedah. Kenapa berlaku di Memali? Siapa yang salah? Polis cawangan khas atau jabatan agama?

Zainuddin Maidin kata, terima kasih pada polis cawangan khas yang membawa Allahyarham Kassim Ahmad kembali dekat pada kepercayaan hadith.

Saya tinggalkan hal berkenaan.

Saya fikir, kita sentiasa memikirkan ahli agama asing asing dengan ahli politik. Bila rosak sahaja, di salahkan ahli agama.

Pada pendapat saya, sebenarnya, tiada usaha dakwah yang dilakukan oleh ahli politik termasuk Tun sendiri mungkin. Mungkin sahaja ya...

Di manakah silapnya?

Di situlah silapnya.

Terima kasih Tun.

17.



18. [Log in to Reply](#) **RD**. Oct 11, 2017 5:03 PM

Pada saya, mustahil Umat Islam boleh menjadi sesat disebabkan seorang cendekiawan seperti Kassim Ahmad. Hakikatnya, sesaorang boleh tersesat apabila 'Agamawan' menggunakan Politik untuk menjual 'Agama' demi kelangsungan hidup.

Pada saya... akibat kekeliruan, kebingungan dan rasa-malu dilahirkan sebagai Umat Islam akan menyebabkan sesaorang itu curiga, tidak mahu dikaitan dan menolak Agamanya, apabila melihat seorang Ahli-Politik kotor dan curang, menggunakan Agama dan mendekati Agamawan untuk mengaburi kekotoran itu. Lebih buruk lagi, apabila kesemua Agamawan, atas desakan hidup, ternampak seolah-olah menyokong 'kekotoran' itu.

Sesungguhnya, pemergian Kassim Ahmad adalah satu kerugian sangat besar kepada Kemajuan dan kemakmuran Agama Islam, Bangsa Melayu dan Negara Malaysia.

Semoga pemergian beliau membangkitkan kesedaran dikalangan anak-anak muda dan cerdik-pandai Melayu supaya mendalami cara pemikiran beliau melalui penulisan beliau demi meningkatkan usaha untuk memajukan Bangsa Melayu dan Agama Islam.

Al-Fatihah.

19.



20. [Log in to Reply](#) **master** [Oct 11, 2017 12:05 PM](#)

ASSALAMUALAIKUM WBT, YANG DIMULIAKAN AYAHANDA TUN SERTA KERABAT SEMUANYA. Good Day

a. Tidak banyak yang diketahui oleh kebanyakan orang terutamanya generasi sekarang mengenai Allahyarham Dr Kassim Ahmad.

b. Tidak silap saya, beliau mempunyai latarbelakang yang pelbagai dari anak petani miskin, cucu guru agama, belajar di universiti, pensyarah di London serta pernah dianugerahkan doktor falsafah oleh universiti awam tempatan, aktif berpolitik hingga pernah mengetuai salah satu parti politik. Pernah dipenjarakan sebagai tahanan ISA. Penyair, pengarang, penulis dan berbagai lagi.

c. Dek kerana kaya pengalaman serta pernah hidup di zaman yang jauh berbeza dari zaman sekarang, sedikit sebanyak pandangan beliau memang mengundang kontroversi yang merumitkan bagi sesiapa pun untuk terus memahaminya.

d. Beliau akan sentiasa dikenang sebagai 'Anti Hadis' disebabkan oleh tanggapan dan tuduhan oleh kebanyakan alim ulamak masa pada masa lalu dan berlarutan hingga masa kini malah ada yang sampai menganggap beliau 'murtad'.

e. Sedikit sebanyak tanggapan dan tuduhan tersebut sudah melekat dan tidak bisa ditanggalkan lagi oleh generasi sekarang, bukan sahaja kepada golongan aliran berpendidikan agama malah juga kepada golongan yang disebaliknya.

f. Punca kelemahan dan kemunduran Islam adalah berpunca dari cara penilaian, corak pemikiran dan sistem pelajaran yang melemahkan golongan yang cuba berfikiran kritis dan progresif, malah

dianggap pula sebagai golongan yang anti Al Quran, Hadis dan juga anti ulamak. Sesiapa pun hendaklah patuh tanpa syarat, tidak boleh mempertikaikannya lagi.

g. Manusia bebas untuk melontarkan pandangan. Namun apabila pandangan itu dianggap melawan arus, hendaknya penyangkalan terhadap pandangan kontroversi tersebut dibuat setelah mempunyai alasan yang kukuh setelah dianalisa dan penilaian yang mendalam dan diperbincangkan dengan berlapang dada.

h. Melabel serta menuduh yang bukan2 terhadap si pemberi pandangan dengan serta merta adalah tidak bijak dan tidak berhikmah.

i. Keutuhan dan kewibawaan Ilmuawan Islam semasa kegemilangannya pada masa lalu adalah kerana meraikan perselisihan pendapat untuk mendapatkan kemurniannya untuk kesesuaian zaman yang sentiasa berubah.

j. Al Quran tidak pernah berubah, hanya pandangan manusia yang sentiasa membuat pentafsiran yang berbeza beza dan ketaksuban ideologi sempit menutup sebarang peluang untuk menerima pandangan lain walaupun kadangkala pandangan tersebut menambahbaikkan pandangan dan keadaan yang telah sedia ada.

k. Ingatlah!!! Islam adalah agama keamanan, kebenaran, keadilan, kemajuan dan kebijaksanaan. Jika setiap pandangan dan perbuatan tidak berpaksikan elemen diatas maka pasti Islam akan sentiasa dianggap lemah, mundur, kejam dan ganas. Walaupun kuantitinya sudah bertambah namun kualitinya hampa dan kosong.

21.



22. [Log in to Reply](#) **Dave Copper** [Oct 11, 2017 10:42 AM](#)

There are two types of people in this world: The Passive Receivers and The Active Thinkers.

Kassim Ahmad is an Active Thinkers.

Malaysian's "force-feeding Duck Style" education system has created many zombies who do not know how to think on their own.

We were being taught to memorize our text books and recall exactly as per the text books to ace our exams.

The same applies to religion and politics. Malaysians are trained to be passive receivers; we don't ask question, we don't challenge the status quo, we are trained to be lazy, we are trained to be brainless zombies.

Encik Kassim Ahmad on the other hand, is no zombie, he has brains.

What a lost.

23.

24.  [Log in to Reply musato](#) Oct 11, 2017 9:05 AM

Assalamualaikum Tun.

Saya baca sedikit biodata Allahyarhsm Kassim Ahmad. Dikatakan kontroversi kerana memperjuangkan anti hadith.

Sememangnya dalam tulisan Tun pun ada sedikit sebanyak pengaruh dari Kassim Ahmad saya lihat. Begitu juga Zainuddin Maidin secara lantang menulis 'hukum hudud' adalah barbaric.

Untuk mengupas pemikiran ini adalah menarik. Terutamanya jika Tun berpeluang bertanyakan mengenai hal ini kepada Dr Zakir Naik, yang saya fikir boleh dikagumi kerana menjawab persoalan persoalan agama berserta dengan akal logik. Amat jarang hal hal agama dapat dijawab oleh seseorang dengan menggunakan logik dan diterima oleh orang ramai.

Seronok mungkin untuk tahu apa Dr Zakir Naik akan jawab jika Tun berpeluang bertanyakan akan hal ini kepada beliau.

Terima kasih Tun.

25.

26.  [Log in to Reply HouseWife](#) Oct 10, 2017 11:40 PM

Assalamualaikum Tun,

I only heard about arwah of what he was in the newspapers and was always portrayed negatively. But you saw him as a friend. He must have sacrificed something meaningful along the way in his life to able gain your friendship.

Excuse me if I may Tun. I imagine on a one fine day when both of you sat together sipping a cup of tea, your friend said to you, "I can't be charming. I can't please people. People hate me for what I stand for and believe in. This is a face they'll hate. I'm not here to win friends or influence people but making people glad to do what they want. You could hate me like they do and leave me but you never did. Thank you my friend."

When do we realise someone is our friend? Many do after that person passed away. Semoga Allah cucuri rahmat keatas rohnya dan ditempatkan kalangan orang-orang yang beriman.

Semoga Allah berkati perjuangan Tun dan makbulkan segala usaha murni Tun. Jaga kesihatan Tun baik2 ya. Terima kasih Tun.

27.

28.  [Log in to Reply rimba.emas](#) Oct 10, 2017 11:27 PM

Salam Tun.

1. Innalillahi wainnailaihirojiun....
2. Benar bagai di kata Tun. Kata-kata manusia yang bukan maksum hanya Rasullullah s. a. w nampak dari mata hatinya.
3. Al-Quran kitab suci kata-kata Allah s. w. t. Akhlak Rasullullah s. a. w ialah Al-Quran.
4. Para Aulia dari kalangan sahabat Rasullullah s. a. w yang terpuji serta di doakan diberi ilmu dari panduan Al-Quran adalah pewaris hadis sahih Nabi Muhammad s. a. w.
5. Al Quran dan hadis sahih Rasullullah s. a. w menjadi rujukan dan pedoman dalam kehidupan kita menuju kejayaan.

Wallahua'lam.

29.



30. [Log in to Reply](#) **adelheid** Oct 10, 2017 5:08 PM

Dear Tun,

A great Muslim intellectual and thinker is gone today and his demise is felt by many who have read his writings and appreciate his thoughts as a mind opener to never ending knowledge.

To those who choose to shut themselves from the challenges of using their minds to think and learn surely Pak Kassim's passing will not mean anything to them. To them thinking is difficult so why not follow the easy way like that of their gurus who judge and punish others who do not follow their mold.

Pak Kassim's agony is gone now. Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas rohnya.

Take care Tun.

© 2017 Chedet — All Rights Reserved.

Source: <http://chedet.cc/?p=2635>